

06 OCT 1998

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA DI SARAWAK UNTUK LAWATAN RASMI SEHARI

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad serta isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini, untuk lawatan rasmi sehari ke Sarawak.

Beliau yang tiba pada pukul 9.45 pagi dari Kuala Lumpur, diberi sambutan tradisional dan meriah dengan kira-kira 10,000 penyokong Barisan Nasional (BN) membawa sepanduk dan bendera lambang parti masing-masing.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dengan dua timbalannya iaitu Tan Sri Amar Alfred Jabu serta Datuk Amar Dr George Chan dan menteri-menteri Kabinet negeri serta ketua jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri turut berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie yang juga Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Menteri Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Sarawak Datuk Amar James Wong yang juga Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Tarian tradisional pelbagai masyarakat etnik di sini seperti Iban, Melayu, Melanau, Bidayuh dan Cina mengiringi ketibaan Perdana Menteri sejurus selepas tiba di lapangan terbang itu.

Dalam lawatannya itu beliau dijangka merasmikan mesyuarat agung ke-52 Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) yang dihadiri lebih 300 perwakilan dari seluruh negara.

Selepas upacara perasmian itu beliau seterusnya merasmikan bangunan baru Sekolah Rendah Bantuan (SRB) Chung Hua No.6 bernilai RM6 juta, projek yang telah diluluskan oleh beliau (Mahathir) sendiri pada 1995.

Dibuka pada 5 Jan tahun ini, bangunan empat tingkat secara keseluruhan mempunyai 30 bilik darjah dan setakat ini seramai 393 pelajar belajar di situ.

Beliau akan pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 2 petang ini selepas mengadakan persidangan media.

-- BERNAMA

RDY PR